

NOTA PENERANGAN BORANG CP204
ANGGARAN CUKAI YANG KENA DIBAYAR OLEH SYARIKAT/KOPERASI/BADAN AMANAH

- (a) **Borang CP204**
Gunakan borang ini apabila membuat anggaran cukai yang kena dibayar. Isi ruangan dengan HURUF BESAR menggunakan pen dakwat hitam.
- (b) **Tempoh Asas**
Penerangan terperinci mengenai tempoh asas boleh didapati di dalam Ketetapan Umum No. 7/2001 [Tempoh Asas Bagi Pendapatan Perniagaan & Bukan Perniagaan (Syarikat)].
- (c) **Tarikh borang CP204 perlu dikemukakan**
Kemukakan anggaran cukai **tidak kurang dari 30 hari** sebelum bermulanya tempoh asas bagi sesuatu tahun taksiran. Bagi syarikat baru anggaran cukai perlu dikemukakan dalam tempoh **3 bulan** selepas tarikh syarikat mula beroperasi. Jika anggaran cukai tidak diterima, arahan anggaran cukai akan dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri (Notis Bayaran Ansuran -CP205).
- (d) **Amaun anggaran cukai kena dibayar**
Amaun anggaran cukai kena dibayar hendaklah tidak kurang daripada anggaran cukai terkini iaitu sekurang-kurang 85% daripada anggaran cukai dipinda atau 85% daripada anggaran cukai jika tiada anggaran dipinda bagi tahun taksiran sebelumnya.
- (e) **Anggaran terkurang**
Jika perbezaan antara cukai sebenar dengan anggaran cukai kena dibayar dipinda atau anggaran cukai jika tiada anggaran cukai dipinda dikemukakan melebihi 30% dari cukai sebenar, maka cukai akan dinaikkan sejumlah 10% atas perbezaan yang melebihi 30% tanpa sebarang notis. Formula pengiraan cukai dinaikkan ialah:

$$[(CS-AC) - (30\% \times CS)] \times 10\%$$

di mana **CS:** cukai sebenar yang kena dibayar
AC: anggaran cukai

- (f) **Bila bayaran ansuran perlu dimulakan**
Bayaran ansuran perlu dibuat secara bulanan mulai bulan kedua dalam tempoh asas. Bagi syarikat baru, ansuran perlu dimulakan dalam bulan **ke-6** selepas syarikat mula beroperasi.
- (g) **Pengiraan amaun ansuran bulanan**
Amaun ansuran bulanan dikira dengan membahagikan anggaran cukai dengan bilangan bulan dalam tempoh asas. Jika terdapat angka sen apabila anggaran cukai dibahagi dengan bilangan bulan dalam tempoh asas, amaun sen hendaklah ditambah kepada ansuran terakhir.

Contoh:	a	b	c
Amaun Anggaran (RM)	130,000	130,000	130,000
Bilangan ansuran dalam tempoh asas	12	10	15
Ansuran: Bilangan dan amaun(RM)	$130,000 / 12 = 10,833.33$	$130,000 / 10 = 13,000.00$	$130,000 / 15 = 8,666.67$
	pertama hingga ke 11: 10,833	pertama hingga ke 9: 13,000	pertama hingga ke 14: 8,666
	ke 12 : 10,837	ke 10 : 13,000	ke 15 : 8676

- (h) **Pindaan anggaran cukai kena dibayar**
Anggaran cukai boleh dipinda dalam bulan **ke-6** atau bulan **ke-9** atau **kedua-duanya** dalam tempoh asas dengan menggunakan borang CP204A
- (i) **Slip pengiriman bayaran - Borang CP 207**
Gunakan slip pengiriman bayaran apabila membuat bayaran. Salinan fotostat borang CP 207 boleh digunakan. Slip pengiriman bayaran penting supaya bayaran cukai dapat dikreditkan kepada cukai bagi tahun taksiran yang berkaitan. Borang CP207 boleh didapati di www.hasil.gov.my.
- (j) **Tarikh bayaran ansuran bulanan perlu diterima**
Bayaran perlu diterima di **Kaunter Bayaran LHDNM** / di cawangan **CIMB Bank / Public Bank / Maybank** selewat-lewatnya pada 10 hari bulan bulan ansuran berkenaan. Bayaran juga boleh dibuat melalui kemudahan **e-bayaran** di www.hasil.gov.my. Cukai akan dinaikkan sejumlah 10% atas amaun yang tidak dibayar dalam tempoh ditetapkan tanpa sebarang notis.
- (k) **Pertukaran tarikh penutupan akaun**
Kemukakan Borang CP204B jika terdapat pertukaran tarikh penutupan akaun. Borang perlu diterima selewat-lewatnya seperti berikut:
Tempoh perakaunan dipendekkan: Satu bulan sebelum tarikh **permulaan** tempoh perakaunan yang baru
Tempoh perakaunan dipanjangkan: Satu bulan sebelum tarikh **penutupan** akaun yang asal.